

Last updated 19th May 2026

Pos Rewards Loyalty Programme Terms & Conditions

This Terms & Conditions is entered into between you, as the participant ("Participant") of the Pos Rewards Loyalty Programme ("Programme"), and Pos Malaysia Berhad (Registration No.: 199101019653 (229990-M)) ("Pos Malaysia").

Participation in the Programme shall be subject to these terms and conditions ("T&C") and any modifications, amendments, variations, supplemental and additional terms, guidelines, notices and instructions issued by Pos Malaysia from time to time.

By using and/or continuing to use Pos Laju services including Send Parcel Pro, the Participant is deemed to have read, understood and agreed to be bound by this T&C.

I. ELIGIBILITY & PARTICIPATION

1. The Programme is strictly by invitation and/or selection and is open only to selected SME/MSME business customers of Pos Malaysia who satisfy Pos Malaysia's eligibility requirements.
2. For the avoidance of doubt, participation in the Programme, including enrolment, earning or redemption of Points, constitutes acceptance of these Terms & Conditions and creates a binding agreement between Pos Malaysia and the Participant.

II. ENROLMENT / OPT-IN

1. Enrolment in the Programme is automatic via SendParcel Pro ("SP Pro") using the Master Account.

The Participant shall provide and/or update its business information for verification and administration purposes regarding the Programme.

2. The Participant represents and warrants that all information provided to Pos Malaysia are accurate, complete, and up-to-date.
3. Pos Malaysia shall not be responsible for any loss, cost, damage or any issue arising from any outdated, inaccurate, incomplete or incorrect information provided by the Participant. In the event that the Participant is in breach of its obligations under this Section II, the Participant shall be liable for and shall indemnify (and keep indemnified) Pos Malaysia against each and every action, proceeding, liability, cost, claim, loss, damage, expense (including legal fees and disbursements on a solicitor-client basis) and demands incurred by the Pos Malaysia, which arise directly or in connection with the processing of personal data pursuant to this T&C, including without limitation those arising out of any third party demand, claim or action, or any breach of contract, negligence, fraud, wilful misconduct, breach of statutory duty or non-compliance with any part of the Personal Data Protection Act 2010 or any other law by the Participant or its personnel, employees, servants, agents or representatives.

4. Pos Malaysia reserves the right to approve, reject, suspend or revoke the Participant's enrolment in the Programme at its sole and absolute discretion and without assigning any reason whatsoever and the Participant shall not have any right to claim any cost, expense, loss, damage, claim and/or compensation of whatsoever kind under contract, tort, statute, equity or common law or any other theory of law.
5. The Participant may opt out of the Programme at any time by submitting a request via the SendParcel Pro website or emailing posrewards@pos.com.my or such other method as may be prescribed by Pos Malaysia. Upon opt-out, the Participant shall immediately cease to earn Points. Any unused Points remaining as at the opt-out notice shall be automatically forfeited without compensation.

III. POINTS EARNING

1. Points earned under the Programme ("Points") will be credited to the Participant's Master Account and are not transferable, assignable, exchangeable for cash, or capable of being pledged as security.
2. Points earning rate: Each RM1.00 of eligible spend will earn 1 Point. No points will be earned by the Participant for any fractional part of RM1.00 of eligible spend.
3. Eligible spend consists of invoice payments for the following:
 - (i) domestic courier charges;
 - (ii) MelPlus;
 - (iii) International courier charges;
 - (iv) Pos Service Warranty;
 - (v) eligible add-ons/value-added services, as determined by Pos Malaysia.

For the avoidance of doubt, Cash-on-Delivery (COD) commissions are not eligible for Points.

4. Service tax and/or any applicable taxes, fees, penalties, surcharges, or charges deemed non-eligible by Pos Malaysia shall not qualify for Points accrual.
5. Points shall be awarded only upon full settlement of the relevant invoice within the stipulated payment period stated on the invoice. Partial payments shall not qualify for Points until the full settlement of the relevant invoice is made within the stipulated payment period.
6. Points will not be allocated in real-time and shall be credited within 7 working days of an invoice payment in accordance with Pos Malaysia's applicable billing/payment cycle. Pos Malaysia may correct, adjust, deduct, or recompute the Points credited to rectify any errors or inaccuracies.
7. Points do not constitute property, legal tender, or a vested right, and have no cash value.

IV. POINTS VALUE & REDEMPTION CONVERSION

1. The redemption conversion is 100 Points = approximately ~RM1.00 redemption value ("Redemption Conversion Rate"). Redemptions are subject to item-specific pricing and catalogue requirements.
2. Pos Malaysia reserves the right to vary the Redemption Conversion Rate, catalogue pricing and/or redemption mechanics at any time in accordance with Section XI of this T&C.
3. The rewards and redemption options in the rewards catalogue are not guaranteed and is subject to change, substitution or withdrawal at any time.

V. POINTS EXPIRY

1. Points accrued under the Programme are valid for twelve (12) months from the date the Points are earned, calculated on a rolling basis. Each Point shall expire twelve (12) months after issuance.
2. Expired Points shall be deemed automatically forfeited and shall not be reinstated, extended, refunded, or otherwise compensated.

VI. REDEMPTION OF POINTS

1. Only the Master Account may redeem the Points under the Programme. Sub-Accounts under the Master Account shall not be permitted to redeem and shall not have access to the rewards catalogue.
2. The minimum redemption amount is 1 Point. There is no maximum redemption limit unless otherwise specified by Pos Malaysia.
3. All redemption requests are final and irrevocable once confirmed by Pos Malaysia. Points used for redemption will be deducted immediately (or within the applicable processing timeline) and will not be credited back for any reason whatsoever.
4. Rewards are subject to availability and may, at Pos Malaysia's sole discretion, be substituted with a comparable reward of similar value.
5. Rewards may be provided or supplied by third-party suppliers/merchants, vendors or service providers. Pos Malaysia does not endorse, recommend or guarantee any reward or any such third-party supplier/merchant, vendor or service provider, and any reference to third-party rewards shall not constitute an endorsement by Pos Malaysia.

VII. DELIVERY OF REWARDS

1. Delivery of rewards (where applicable) shall be made to an address provided by the Master Account. No change of address is permitted after the redemption request is submitted by the Participant to Pos Malaysia.

2. Pos Malaysia may, at its discretion, engage third-party merchants, vendors or service providers for the fulfilment and delivery of rewards and shall not be responsible or liable for any act, omission, default or delay of such third parties.
3. Delivery of rewards shall be deemed completed upon proof of delivery by Pos Malaysia or any third-party merchants, vendors or service providers appointed by Pos Malaysia for fulfilment or delivery.
4. Any delivery timelines provided are estimates only and is not guaranteed.
5. Pos Malaysia shall not be responsible for any loss, theft, damage, delay, non-receipt, or unclaimed delivery of rewards arising from inaccurate address details, unavailability of the recipient, or any other circumstances beyond Pos Malaysia's control.
6. Where delivery of a reward is unsuccessful or unclaimed, Pos Malaysia reserves the right to cancel the redemption without re-crediting the Points redeemed.

VIII. ACCOUNT STATUS, MISUSE & FORFEITURE

1. To earn and redeem Points, the Master Account must be valid, active, and in good standing. The Master Account must not be suspended, frozen, terminated, or under investigation.
2. If the Participant's account is terminated or frozen, all Points earned by the Participant under the Programme shall be terminated or frozen, as applicable.
3. Where there are six (6) consecutive months of inactivity (i.e., no shipment activity) under the Master Account, the Points balance shall automatically revert to zero (0).
4. If any amount under a relevant invoice is not paid in full within the stipulated period stated on the invoice, no points will be earned for that invoice.
5. Pos Malaysia reserves the right to withhold, cancel, claw back, or deduct Points and/or cancel redemptions where Pos Malaysia reasonably believes that:
 - (i) the Participant, or its personnel, employees, servants, agents or representatives is involved in or is alleged to be involved in any fraud, bribery, or corrupt activities;
 - (ii) the Participant, or its personnel, employees, servants, agents or representatives had engaged in any misconduct in relation to the Programme;
 - (iii) there are errors or malfunctions in Pos Malaysia's system; and
 - (iv) the Participant had breached any terms of this T&C.

Pos Malaysia shall be entitled to seek injunctive or equitable relief for any actual or threatened misuse of the Programme, without the necessity of proving actual damages.

6. Pos Malaysia shall not be obliged to provide reasons or evidence for any withholding, cancellation, clawback, or deduction of Points or cancellation of redemptions under this Section VIII.

The rights of Pos Malaysia under this Section shall survive the suspension or termination of the Programme or the Participant's account.

IX. DATA PROTECTION

1. By participating in the Programme, the Participant acknowledges and agrees that Pos Malaysia may collect, use, disclose, and process personal data in accordance with Pos Malaysia's Privacy Notice available at www.pos.com.my, as updated from time to time.
2. Where fulfilment of rewards requires involvement of third-party vendors, the Participant hereby expressly consents to Pos Malaysia disclosing the Participant's relevant particulars and personal data, for the purposes of administering the Programme and delivering the rewards.

X. PROGRAMME ACCESS

1. Pos Malaysia does not guarantee uninterrupted or error-free access to the Programme or any related systems, and shall not be liable for any inability to access the Programme due to any system maintenance, upgrades to the Application or systems or the Programme, or due to any technical or network or other issues.
2. Pos Malaysia reserves the right to modify, suspend or discontinue any feature, functionality or component of the Application or the Programme, whether in whole or in part and whether temporarily or permanently, at any time and for any reason, including maintenance, upgrades, security, compliance or operational requirements, without liability.
3. Pos Malaysia does not warrant that access to or use of the Application or the Programme, including any related platform, application, or system, will be compatible or interoperable with any device, hardware, software, equipment, or system used by the Participant.
4. Pos Malaysia shall not be responsible or liable for any loss, damage, performance issues, system failures, data loss, or data corruption arising from or in connection with any compatibility or interoperability issues in relation to the Application or the Programme.
5. While Pos Malaysia implements reasonable security measures, including anti-virus and intrusion prevention controls, Pos Malaysia does not warrant or

guarantee that the Programme, the Application, any related application, platform or system, or any data transmitted in connection therewith, will be free from viruses, malware, malicious code or other harmful components.

Pos Malaysia shall not be responsible or liable for any loss, damage, system failure, data loss, data corruption or other harm arising from or in connection with the access and use of the the Programme, the Application, or any related application, platform or system.

The Participant is responsible for implementing appropriate technological safeguards, including anti-virus protection, intrusion prevention systems, and data security measures, on its own systems and devices when accessing or using the Programme, the Application, or any related application, platform or system

XI. PROGRAMME CHANGES, SUSPENSION & TERMINATION

1. Pos Malaysia reserves the right, at its sole and absolute discretion, to vary, amend, add to, delete from, suspend, or terminate the Programme, the catalogue, the Points earning or redemption rules, and/or this T&C at any time, without notice and upon any termination of the Programme, the Points earned by the Participant shall be forfeited and the Participant shall not have any right to claim any cost, expense, loss, damage, claim and/or compensation of whatsoever kind under contract, tort, statute, equity or common law or any other theory of law.
2. Pos Malaysia may notify the Participants of any amendments to or termination of this T&C via SP Pro, email, and/or any other method deemed appropriate by Pos Malaysia. Any such notice or communication given electronically shall be deemed received upon transmission, and any notice or communication given by other means shall be deemed received when delivered.

The Participants' continued participation in the Programme following the effective date of any amendments to the T&C shall constitute acceptance of the revised T&C.

XII. INTELLECTUAL PROPERTY

1. Pos Malaysia respects copyright and other intellectual property rights and expects its users to do the same. Unauthorized copying, distribution, modification and public display of copyrighted and other intellectual property works is an infringement of the copyright and other intellectual property holders' rights. As a condition of your access to SendParcel Pro, the Participant agrees that it will not access or use or permit the Application to be accessed or used for infringing the intellectual property rights of others and Pos Malaysia. Without prejudice to other accrued rights, Pos Malaysia reserves the right to terminate the enrolment of the Participant from the Programme upon notice of any infringement of the copyright or other intellectual property rights of Pos Malaysia or others in connection with the access or use of the Application. Pos Malaysia will investigate any information it receives in relation to intellectual property infringement committed by the Participant of the Application.

2. Pos Malaysia is the owner of all intellectual property rights in the Application, including all content, material, trademarks, logos, systems, and Points mechanics. Subject to this T&C, Pos Malaysia grants the Participant a limited, non-exclusive, non-transferable, and revocable licence to access and use the Application solely for its intended purpose. All rights not expressly granted to the Participant under this T&C are reserved by Pos Malaysia.
3. Any feedback, suggestions or ideas provided by the Participant in relation to the Application may be used by Pos Malaysia without restriction or obligation to the Participant.
4. The provisions of this Section shall survive the suspension or termination of the Programme or the Participant's enrolment to the Programme.

XIII. SEVERABILITY

1. The invalidity or unenforceability of any portion or clause of this T&C shall in no way affect the validity or enforceability of any other portion or clause hereof. If any provision of this T&C is held to be invalid or unenforceable, such provision shall be severed, and the remaining provisions shall continue in full force and effect.

XIV. FORCE MAJEURE

1. Pos Malaysia shall not be liable for any failure or delay in the performance of its obligations under the Programme (including the crediting of Points, processing of redemptions, delivery of rewards, or access to the Programme) where such failure or delay is caused by events or circumstances beyond Pos Malaysia's reasonable control, including, without limitation, acts of God, flood, fire, storm, earthquake, pandemic or epidemic, war, acts of terrorism, civil unrest, strikes or other industrial action, government laws, regulations, orders or restrictions, system failures, network or telecommunications outages, power failures, cyber incidents, or failures or delays of third-party service providers or logistics partners ("Event of Force Majeure").
2. During the continuance of an Event of Force Majeure, Pos Malaysia's obligations under the Programme shall be suspended to the extent affected by such event for the duration of the force majeure event.
3. Pos Malaysia shall use reasonable efforts to resume normal performance of the Programme as soon as practicable following the cessation of the Event of Force Majeure.
4. For the avoidance of doubt, no compensation, reimbursement or monetary payment shall be payable to any Participant as a result of any suspension, delay or failure arising from an Event of Force Majeure.

XV. NO WAIVER

1. No failure or delay by Pos Malaysia in exercising any right shall operate as a waiver of such right.

2. The crediting of Points, acceptance of redemption requests, or provision of any reward shall not constitute a waiver of Pos Malaysia's right to correct, deduct, claw back or cancel Points or rewards in accordance with this T&C.

XVI. GENERAL

1. Rewards may be provided by third-party suppliers/merchants. Pos Malaysia gives no representation or warranty of any kind including warranty on the quality, merchantability, or fitness for purpose of any reward provided by third-party suppliers/merchants. Pos Malaysia does not warrant the accuracy, completeness or reliability of any information, descriptions, images or content relating to rewards provided by third-party suppliers/merchants, service providers, or vendors. Certain rewards may be subject to additional terms and conditions imposed by third-party suppliers/merchants, vendors or service providers. The Participant agrees to comply with any such terms and conditions imposed by the relevant third-party suppliers/merchants applicable to the relevant reward. Any dispute relating to rewards provided by third-party suppliers/merchants shall be resolved between the Participant and the relevant third-party supplier/merchant.

2. Pos Malaysia makes no representations or warranties of any kind, whether express, implied or statutory, in relation to any reward, the provision or fulfilment thereof, or access to or use of the Programme, including any warranties as to quality, condition, merchantability, fitness for a particular purpose, descriptions, availability, performance, safety, uninterrupted or error-free access, or compliance with applicable laws.

Any access to or use of the Programme, and any use of or reliance on a reward provided by a third party, is at the Participant's own risk, and Pos Malaysia shall not be responsible or liable for any acts or omissions of any third-party merchant, vendor or service provider, including any loss, damage, cost, expense or liability of any nature, whether arising in contract, tort, breach of statutory duty or otherwise

3. Pos Malaysia shall not be liable to the Participant for any direct, special, incidental, indirect, punitive, exemplary or consequential loss, cost, expense, claim, liability, damage, including without limitation any loss of revenue, profits, loss of data or goodwill arising out of or in connection with the Programme whether caused by tort, breach of contract, or otherwise, during or after the termination of this T&C, even if Pos Malaysia has been advised of the possibility of such circumstances in advance.
4. The Participant shall indemnify and hold harmless Pos Malaysia from and against any losses, claims, damages, liabilities, costs, and expenses (including reasonable legal fees) arising out of or in connection with:
 - (i) the Participant's breach of this T&C;
 - (ii) the misuse or abuse of the Application, the Programme, or Points by the Participants; or

- (iii) any infringement of intellectual property rights or other rights of any third-party arising from the Participant's access or use of the Application or the Programme.
5. This T&C shall be governed by and construed with the laws of Malaysia, and the parties agree to submit to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.
 6. This T&C constitute the entire agreement between Pos Malaysia and the Participant in relation to the Programme and supersede all prior communications, representations or agreements relating thereto.
 7. In the event of any language discrepancy, the English version of the Terms and Conditions will be used.
 8. In the event of any inconsistency between this T&C and any promotional, marketing, or programme materials of Pos Malaysia, this T&C shall prevail.
 9. Nothing in this T&C shall be construed as creating any partnership, agency, fiduciary, or joint venture relationship between Pos Malaysia and the Participant.
 10. Nothing in this T&C confers or is intended to confer any benefit, right or remedy on any person other than the Participant and Pos Malaysia.
 11. Clauses relating to limitation of liability, misuse, data protection, and governing law shall survive the suspension or termination of the Programme.
 12. Any information made available under or in connection with the Programme is provided for general information purposes only and shall not be relied upon as advice of any kind.
 13. Pos Malaysia may assign or transfer its rights and obligations under the Programme without the consent of the Participant.

Dikemas kini pada 19 Mei 2026
Terma & Syarat Program Kesetiaan Pos Rewards

Terma & Syarat ini dimeterai antara anda, sebagai peserta ("Peserta") Program Kesetiaan Pos Rewards ("Program"), dan Pos Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: 199101019653 (229990-M)) ("Pos Malaysia").

Penyertaan dalam Program adalah tertakluk kepada terma dan syarat ini ("T&S") dan sebarang pengubahsuaian, pindaan, variasi, terma tambahan dan pelengkap, garis panduan, notis serta arahan yang dikeluarkan oleh Pos Malaysia dari semasa ke semasa.

Dengan menggunakan dan/atau terus menggunakan perkhidmatan Pos Laju termasuk Send Parcel Pro, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S ini.

I. KELAYAKAN & PENYERTAAN

1. Program ini adalah secara jemputan dan/atau pemilihan semata-mata dan terbuka hanya kepada pelanggan perniagaan SME/MSME terpilih Pos Malaysia yang memenuhi syarat kelayakan Pos Malaysia.
2. Bagi mengelakkan keraguan, penyertaan dalam Program, termasuk pendaftaran, perolehan atau penubuhan Mata, merupakan penerimaan Terma & Syarat ini dan mewujudkan perjanjian yang mengikat antara Pos Malaysia dan Peserta.

II. PENDAFTARAN / KEMASUKAN

1. Pendaftaran dalam Program adalah secara automatik melalui SendParcel Pro ("SP Pro") menggunakan Akaun Induk.
2. Peserta hendaklah menyediakan dan/atau mengemaskini maklumat perniagaannya untuk tujuan pengesahan dan pentadbiran berkenaan Program.
3. Peserta mewakili dan menjamin bahawa semua maklumat yang diberikan kepada Pos Malaysia adalah tepat, lengkap dan terkini.
4. Pos Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kos, kerosakan atau sebarang isu yang timbul daripada maklumat yang lapuk, tidak tepat, tidak lengkap atau tidak betul yang diberikan oleh Peserta. Sekiranya Peserta melanggar kewajipannya di bawah Bahagian II ini, Peserta bertanggungjawab dan hendaklah menanggung rugi (dan terus menanggung rugi) Pos Malaysia terhadap setiap tindakan, prosiding, liabiliti, kos, tuntutan, kerugian, kerosakan, perbelanjaan (termasuk yuran guaman dan pembayaran atas dasar peguam-klien) dan permintaan yang ditanggung oleh Pos Malaysia, yang timbul secara langsung atau berkaitan dengan pemprosesan data peribadi menurut T&S

ini, termasuk tanpa had yang timbul daripada sebarang permintaan, tuntutan atau tindakan pihak ketiga, atau sebarang pelanggaran kontrak, kecuaiian, penipuan, salah laku yang disengajakan, pelanggaran kewajipan berkanun atau ketidakpatuhan dengan mana-mana bahagian Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 atau mana-mana undang-undang lain oleh Peserta atau kakitangan, pekerja, pembantu, ejen atau wakilnya.

5. Pos Malaysia berhak untuk meluluskan, menolak, menggantung atau membatalkan pendaftaran Peserta dalam Program mengikut budi bicara mutlaknyanya dan tanpa menyatakan sebarang sebab dan Peserta tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang kos, perbelanjaan, kerugian, kerosakan, tuntutan dan/atau pampasan apa pun di bawah kontrak, tort, statut, ekuiti atau undang-undang am atau mana-mana teori undang-undang lain.
6. Peserta boleh menarik diri daripada Program pada bila-bila masa dengan menghantar permintaan melalui laman web SendParcel Pro atau menghantar e-mel ke posrewards@pos.com.my atau kaedah lain yang mungkin ditetapkan oleh Pos Malaysia. Setelah menarik diri, Peserta akan serta-merta berhenti memperoleh Mata. Sebarang Mata yang tidak digunakan pada tarikh notis penarikan diri akan dilupuskan secara automatik tanpa pampasan.

III. PEROLEHAN MATA

1. Mata yang diperoleh di bawah Program ("Mata") akan dikreditkan ke Akaun Induk Peserta dan tidak boleh dipindahkan, diserahkan, ditukar dengan wang tunai, atau dicagarkan sebagai cagaran.
2. Kadar perolehan Mata: Setiap perbelanjaan yang layak berjumlah RM1.00 akan memperoleh 1 Mata. Tiada mata akan diperoleh oleh Peserta bagi mana-mana bahagian pecahan RM1.00 daripada perbelanjaan yang layak.
3. Perbelanjaan yang layak terdiri daripada pembayaran invois bagi perkara berikut:
 - (i) caj kurier domestik;
 - (ii) MelPlus;
 - (iii) caj kurier antarabangsa;
 - (iv) Waranti Perkhidmatan Pos;
 - (v) tambahan nilai/perkhidmatan nilai tambah yang layak, sebagaimana yang ditentukan oleh Pos Malaysia.

Bagi mengelakkan keraguan, komisen Tunai Semasa Penghantaran (COD) tidak layak untuk Mata.

4. Cukai perkhidmatan dan/atau mana-mana cukai, bayaran, penalti, surcaj atau caj yang dianggap tidak layak oleh Pos Malaysia tidak layak untuk pengumpulan Mata.

5. Mata hanya akan diberikan setelah penyelesaian penuh invoice berkaitan dalam tempoh pembayaran yang ditetapkan di atas invoice. Pembayaran separa tidak layak untuk Mata sehingga penyelesaian penuh invoice berkaitan dibuat dalam tempoh pembayaran yang ditetapkan.
6. Mata tidak akan diperuntukkan secara masa nyata dan akan dikreditkan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas pembayaran invoice mengikut kitaran bil/pembayaran Pos Malaysia yang berkenaan. Pos Malaysia boleh membetulkan, melaraskan, menolak atau mengira semula Mata yang dikreditkan untuk membetulkan sebarang kesilapan atau ketidaktepatan.
7. Mata tidak merupakan harta, mata wang sah atau hak yang telah diperoleh, dan tidak mempunyai nilai tunai.

IV. NILAI MATA & PENUKARAN PENEBUSAN

1. Kadar penukaran penebusan ialah 100 Mata = RM1.00 nilai penebusan ("Kadar Penukaran Penebusan"). Penebusan adalah tertakluk kepada harga khusus item dan keperluan katalog.
2. Pos Malaysia berhak untuk mengubah Kadar Penukaran Penebusan, harga katalog dan/atau mekanisme penebusan pada bila-bila masa mengikut Bahagian XI T&S ini.
3. Ganjaran dan pilihan penebusan dalam katalog ganjaran tidak dijamin dan tertakluk kepada perubahan, penggantian atau penarikan balik pada bila-bila masa.

V. TARIKH LUPUT MATA

1. Mata yang terkumpul di bawah Program adalah sah selama dua belas (12) bulan dari tarikh Mata diperoleh, dikira secara bergerak. Setiap Mata akan luput dua belas (12) bulan selepas dikeluarkan.
2. Mata yang telah luput dianggap dilupuskan secara automatik dan tidak akan dipulihkan semula, dilanjutkan, dikembalikan atau diberi pampasan dengan cara lain.

VI. PENEBUSAN MATA

1. Hanya Akaun Induk sahaja yang boleh menebus Mata di bawah Program. Akaun Kecil di bawah Akaun Induk tidak dibenarkan untuk menebus dan tidak akan mempunyai akses kepada katalog ganjaran.
2. Jumlah penebusan minimum ialah 1 Mata. Tiada had penebusan maksimum melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Pos Malaysia.

3. Semua permintaan penebusan adalah muktamad dan tidak boleh dibatalkan setelah disahkan oleh Pos Malaysia. Mata yang digunakan untuk penebusan akan ditolak serta-merta (atau dalam tempoh pemprosesan yang berkenaan) dan tidak akan dikreditkan semula atas sebarang sebab.
4. Ganjaran adalah tertakluk kepada ketersediaan dan boleh, mengikut budi bicara tunggal Pos Malaysia, digantikan dengan ganjaran yang setanding dengan nilai yang serupa.
5. Ganjaran boleh disediakan atau dibekalkan oleh pembekal/pedagang, vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Pos Malaysia tidak menyokong, mengesyorkan atau menjamin mana-mana ganjaran atau pembekal/pedagang, vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga tersebut, dan sebarang rujukan kepada ganjaran pihak ketiga tidak merupakan sokongan oleh Pos Malaysia.

VII. PENGHANTARAN GANJARAN

1. Penghantaran ganjaran (jika berkenaan) hendaklah dibuat ke alamat yang diberikan oleh Akaun Induk. Tiada perubahan alamat dibenarkan setelah permintaan penebusan dikemukakan oleh Peserta kepada Pos Malaysia.
2. Pos Malaysia boleh, mengikut budi bicaranya, melibatkan pedagang, vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk pemenuhan dan penghantaran ganjaran dan tidak bertanggungjawab atau liable terhadap sebarang tindakan, peninggalan, kecuaiian atau kelewatan pihak ketiga tersebut.
3. Penghantaran ganjaran dianggap selesai setelah bukti penghantaran oleh Pos Malaysia atau mana-mana pedagang, vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Pos Malaysia untuk pemenuhan atau penghantaran.
4. Sebarang jadual penghantaran yang diberikan adalah anggaran sahaja dan tidak dijamin.
5. Pos Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kecurian, kerosakan, kelewatan, tidak diterima, atau penghantaran ganjaran yang tidak dituntut yang timbul daripada butiran alamat yang tidak tepat, ketidakhadiran penerima, atau sebarang keadaan lain di luar kawalan Pos Malaysia.
6. Sekiranya penghantaran ganjaran tidak berjaya atau tidak dituntut, Pos Malaysia berhak untuk membatalkan penebusan tanpa mengkreditkan semula Mata yang ditebus.

VIII. STATUS AKAUN, PENYALAHGUNAAN & PELUPUSAN

1. Untuk memperoleh dan menebus Mata, Akaun Induk mestilah sah, aktif dan berada dalam keadaan baik. Akaun Induk tidak boleh digantung, dibekukan, ditamatkan atau sedang dalam siasatan.
2. Jika akaun Peserta ditamatkan atau dibekukan, semua Mata yang diperoleh oleh Peserta di bawah Program hendaklah ditamatkan atau dibekukan, mengikut mana yang berkenaan.
3. Sekiranya terdapat enam (6) bulan berturut-turut tanpa aktiviti (iaitu tiada aktiviti penghantaran) di bawah Akaun Induk, baki Mata akan kembali secara automatik kepada sifar (0).
4. Jika mana-mana jumlah di bawah invois berkaitan tidak dibayar sepenuhnya dalam tempoh yang dinyatakan di atas invois, tiada mata akan diperoleh untuk invois tersebut.
5. Pos Malaysia berhak untuk menahan, membatalkan, menuntut semula atau menolak Mata dan/atau membatalkan penebusan sekiranya Pos Malaysia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa:
 - (i) Peserta, atau kakitangan, pekerja, pembantu, ejen atau wakilnya terlibat atau didakwa terlibat dalam sebarang penipuan, rasuah atau aktiviti korup;
 - (ii) Peserta, atau kakitangan, pekerja, pembantu, ejen atau wakilnya telah terlibat dalam sebarang salah laku berkaitan Program;
 - (iii) terdapat kesilapan atau kerosakan dalam sistem Pos Malaysia; dan
 - (iv) Peserta telah melanggar mana-mana terma T&S ini.

Pos Malaysia berhak untuk mendapatkan relief injunksi atau equiti bagi sebarang penyalahgunaan Program yang sebenar atau yang diancam, tanpa perlu membuktikan kerosakan sebenar.

6. Pos Malaysia tidak diwajibkan untuk memberikan sebab atau bukti bagi sebarang penahanan, pembatalan, tuntutan semula atau potongan Mata atau pembatalan penebusan di bawah Bahagian VIII ini.

Hak Pos Malaysia di bawah Bahagian ini akan terus berkuat kuasa selepas penggantungan atau penamatan Program atau akaun Peserta.

IX. PERLINDUNGAN DATA

1. Dengan menyertai Program, Peserta mengakui dan bersetuju bahawa Pos Malaysia boleh mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi selaras dengan Notis Privasi Pos Malaysia yang terdapat di www.pos.com.my, sebagaimana yang dikemaskini dari semasa ke semasa.

2. Di mana pemenuhan ganjaran memerlukan penglibatan vendor pihak ketiga, Peserta dengan ini memberikan persetujuan nyata kepada Pos Malaysia untuk mendedahkan butiran berkaitan dan data peribadi Peserta, bagi tujuan mentadbir Program dan menghantar ganjaran.

X. AKSES PROGRAM

1. Pos Malaysia tidak menjamin akses yang tidak terganggu atau bebas ralat kepada Program atau mana-mana sistem berkaitan, dan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang ketidakupayaan untuk mengakses Program akibat penyelenggaraan sistem, naik taraf kepada Aplikasi atau sistem atau Program, atau akibat sebarang isu teknikal atau rangkaian atau lain-lain.
2. Pos Malaysia berhak untuk mengubah, menggantung atau menghentikan mana-mana ciri, fungsi atau komponen Aplikasi atau Program, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian dan sama ada sementara atau kekal, pada bila-bila masa dan atas sebarang sebab, termasuk penyelenggaraan, naik taraf, keselamatan, pematuhan atau keperluan operasi, tanpa liabiliti.
3. Pos Malaysia tidak menjamin bahawa akses kepada atau penggunaan Aplikasi atau Program, termasuk mana-mana platform, aplikasi atau sistem berkaitan, akan serasi atau saling beroperasi dengan mana-mana peranti, perkakasan, perisian, peralatan atau sistem yang digunakan oleh Peserta.
4. Pos Malaysia tidak bertanggungjawab atau liable terhadap sebarang kerugian, kerosakan, isu prestasi, kegagalan sistem, kehilangan data atau kerosakan data yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang isu keserasian atau saling operasi berkenaan dengan Aplikasi atau Program.
5. Walaupun Pos Malaysia melaksanakan langkah keselamatan yang munasabah, termasuk kawalan anti-virus dan pencegahan pencerobohan, Pos Malaysia tidak menjamin bahawa Program, Aplikasi, mana-mana aplikasi, platform atau sistem berkaitan, atau mana-mana data yang dihantar berkaitan dengannya, akan bebas daripada virus, perisian hasad, kod berniat jahat atau komponen berbahaya lain.

Pos Malaysia tidak bertanggungjawab atau liable terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kegagalan sistem, kehilangan data, kerosakan data atau kemudatan lain yang timbul daripada atau berkaitan dengan akses kepada dan penggunaan Program, Aplikasi, atau mana-mana aplikasi, platform atau sistem berkaitan.

Peserta bertanggungjawab untuk melaksanakan perlindungan teknologi yang sesuai, termasuk perlindungan anti-virus, sistem pencegahan pencerobohan dan langkah keselamatan data, pada sistem dan peranti sendiri apabila mengakses atau menggunakan Program, Aplikasi, atau mana-mana aplikasi, platform atau sistem berkaitan.

XI. PERUBAHAN, PENGGANTUNGAN & PENAMATAN PROGRAM

1. Pos Malaysia berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk mengubah, meminda, menambah, memadam, menggantung atau menamatkan Program, katalog, peraturan perolehan atau penebusan Mata, dan/atau T&S ini pada bila-bila masa, tanpa notis dan setelah penamatan Program, Mata yang diperoleh oleh Peserta akan dilupuskan dan Peserta tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang kos, perbelanjaan, kerugian, kerosakan, tuntutan dan/atau pampasan apa pun di bawah kontrak, tort, statut, ekuiti atau undang-undang am atau mana-mana teori undang-undang lain.
2. Pos Malaysia boleh memberitahu Peserta tentang sebarang pindaan kepada atau penamatan T&S ini melalui SP Pro, e-mel, dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Pos Malaysia. Sebarang notis atau komunikasi yang diberikan secara elektronik dianggap diterima setelah penghantaran, dan sebarang notis atau komunikasi yang diberikan melalui cara lain dianggap diterima apabila disampaikan.

Penyertaan berterusan Peserta dalam Program selepas tarikh berkuat kuasa sebarang pindaan kepada T&S merupakan penerimaan T&S yang telah disemak.

XII. HAK HARTA INTELEK

1. Pos Malaysia menghormati hak cipta dan hak harta intelek lain dan menjangkakan penggunaanya berbuat demikian. Penyalinan, pengedaran, pengubahsuaian dan paparan awam yang tidak dibenarkan terhadap karya berhak cipta dan harta intelek lain merupakan pelanggaran hak harta intelek pemegang hak cipta dan harta intelek lain. Sebagai syarat akses anda kepada SendParcel Pro, Peserta bersetuju bahawa ia tidak akan mengakses atau menggunakan atau membenarkan Aplikasi diakses atau digunakan untuk melanggar hak harta intelek orang lain dan Pos Malaysia. Tanpa menjejaskan hak yang telah terkumpul, Pos Malaysia berhak untuk menamatkan pendaftaran Peserta daripada Program setelah menerima notis tentang sebarang pelanggaran hak cipta atau hak harta intelek lain milik Pos Malaysia atau orang lain berkaitan dengan akses atau penggunaan Aplikasi. Pos Malaysia akan menyiasat sebarang maklumat yang diterimanya berkaitan pelanggaran harta intelek yang dilakukan oleh Peserta Aplikasi.
2. Pos Malaysia adalah pemilik semua hak harta intelek dalam Aplikasi, termasuk semua kandungan, bahan, tanda dagangan, logo, sistem dan mekanisme Mata. Tertakluk kepada T&S ini, Pos Malaysia memberikan Peserta lesen terhad, tidak eksklusif, tidak boleh dipindahkan dan boleh dibatalkan untuk mengakses dan menggunakan Aplikasi semata-mata bagi tujuan yang dimaksudkan. Semua hak yang tidak diberikan secara nyata kepada Peserta di bawah T&S ini adalah dikhaskan oleh Pos Malaysia.

3. Sebarang maklum balas, cadangan atau idea yang diberikan oleh Peserta berkaitan Aplikasi boleh digunakan oleh Pos Malaysia tanpa sebarang sekatan atau kewajipan kepada Peserta.
4. Peruntukan Bahagian ini akan terus berkuat kuasa selepas penggantungan atau penamatan Program atau pendaftaran Peserta dalam Program.

XIII. KEBOLEHPISAHAN

1. Ketidaksahan atau ketidakbolehkuatkuasaan mana-mana bahagian atau klausa T&S ini tidak akan menjejaskan kesahan atau kebolehkuatkuasaan mana-mana bahagian atau klausa lain di dalamnya. Jika mana-mana peruntukan T&S ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan tersebut hendaklah diasingkan dan peruntukan lain yang tinggal hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya.

XIV. FORCE MAJEURE

1. Pos Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan atau kelewatan dalam melaksanakan kewajibannya di bawah Program (termasuk pengkreditan Mata, pemprosesan penebusan, penghantaran ganjaran atau akses kepada Program) di mana kegagalan atau kelewatan tersebut disebabkan oleh peristiwa atau keadaan di luar kawalan munasabah Pos Malaysia, termasuk, tanpa had, tindakan Tuhan, banjir, kebakaran, ribut, gempa bumi, wabak atau epidemik, perang, tindakan keganasan, kekacauan awam, mogok atau tindakan industri lain, undang-undang, peraturan, perintah atau sekatan kerajaan, kegagalan sistem, gangguan rangkaian atau telekomunikasi, kegagalan bekalan elektrik, insiden siber, atau kegagalan atau kelewatan penyedia perkhidmatan pihak ketiga atau rakan kongsi logistik ("Peristiwa Force Majeure").
2. Semasa kelangsungan Peristiwa Force Majeure, kewajipan Pos Malaysia di bawah Program hendaklah digantung setakat yang terjejas oleh peristiwa tersebut bagi tempoh peristiwa force majeure berlangsung.
3. Pos Malaysia hendaklah menggunakan usaha yang munasabah untuk menyambung semula prestasi normal Program seberapa segera yang praktikal selepas tamatnya Peristiwa Force Majeure.
4. Bagi mengelakkan keraguan, tiada pampasan, pembayaran balik atau bayaran kewangan yang perlu dibayar kepada mana-mana Peserta akibat sebarang penggantungan, kelewatan atau kegagalan yang timbul daripada Peristiwa Force Majeure.

XV. TIADA PENEPIAN

1. Tiada kegagalan atau kelewatan oleh Pos Malaysia dalam menggunakan mana-mana hak yang akan beroperasi sebagai penepian hak tersebut.

2. Pengkreditan Mata, penerimaan permintaan penebusan atau pemberian mana-mana ganjaran tidak merupakan penepian hak Pos Malaysia untuk membetulkan, menolak, menuntut semula atau membatalkan Mata atau ganjaran selaras dengan T&S ini.

XVI. AM

1. Ganjaran boleh disediakan oleh pembekal/pedagang pihak ketiga. Pos Malaysia tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan apa pun termasuk jaminan mengenai kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan bagi mana-mana ganjaran yang disediakan oleh pembekal/pedagang pihak ketiga. Pos Malaysia tidak menjamin ketepatan, kelengkapan atau kebolehpercayaan mana-mana maklumat, keterangan, imej atau kandungan berkaitan ganjaran yang disediakan oleh pembekal/pedagang, penyedia perkhidmatan atau vendor pihak ketiga. Ganjaran tertentu mungkin tertakluk kepada terma dan syarat tambahan yang dikenakan oleh pembekal/pedagang, vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Peserta bersetuju untuk mematuhi mana-mana terma dan syarat sedemikian yang dikenakan oleh pembekal/pedagang pihak ketiga berkaitan yang berkenaan. Sebarang pertikaian berkaitan ganjaran yang disediakan oleh pembekal/pedagang pihak ketiga hendaklah diselesaikan antara Peserta dan pembekal/pedagang pihak ketiga yang berkaitan.
2. Pos Malaysia tidak membuat sebarang representasi atau jaminan apa pun, sama ada nyata, tersirat atau berkanun, berkaitan mana-mana ganjaran, penyediaan atau pemenuhannya, atau akses kepada atau penggunaan Program, termasuk mana-mana jaminan mengenai kualiti, keadaan, kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan tertentu, keterangan, ketersediaan, prestasi, keselamatan, akses tanpa gangguan atau bebas ralat, atau pematuhan undang-undang yang berkenaan.

Sebarang akses kepada atau penggunaan Program, dan sebarang penggunaan atau pergantungan kepada ganjaran yang disediakan oleh pihak ketiga, adalah atas risiko Peserta sendiri, dan Pos Malaysia tidak bertanggungjawab atau liable terhadap sebarang tindakan atau peninggalan mana-mana pedagang, vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga, termasuk sebarang kerugian, kerosakan, kos, perbelanjaan atau liabiliti apa pun, sama ada timbul dalam kontrak, tort, pelanggaran kewajipan berkanun atau sebaliknya.
3. Pos Malaysia tidak bertanggungjawab kepada Peserta atas sebarang kerugian langsung, khas, sampingan, tidak langsung, punitif, teladan atau berbangkit, kos, perbelanjaan, tuntutan, liabiliti, kerosakan, termasuk tanpa had sebarang kehilangan pendapatan, keuntungan, kehilangan data atau nama baik yang timbul daripada atau berkaitan dengan Program sama ada disebabkan oleh tort, pelanggaran kontrak atau sebaliknya, semasa atau selepas penamatan T&S ini, walaupun Pos Malaysia telah dimaklumkan tentang kemungkinan keadaan sedemikian terlebih dahulu.

4. Peserta hendaklah menanggung rugi dan memastikan Pos Malaysia selamat daripada dan terhadap sebarang kerugian, tuntutan, kerosakan, liabiliti, kos dan perbelanjaan (termasuk yuran guaman yang munasabah) yang timbul daripada atau berkaitan dengan:
 - (i) pelanggaran T&S ini oleh Peserta;
 - (ii) penyalahgunaan atau penggunaan tidak wajar Aplikasi, Program atau Mata oleh Peserta; atau
 - (iii) sebarang pelanggaran hak harta intelek atau hak lain mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada akses atau penggunaan Aplikasi atau Program oleh Peserta.
5. T&S ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia, dan pihak-pihak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
6. T&S ini merupakan keseluruhan perjanjian antara Pos Malaysia dan Peserta berkaitan Program dan menggantikan semua komunikasi, representasi atau perjanjian terdahulu yang berkaitan dengannya.
7. Sekiranya terdapat perbezaan bahasa, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat akan digunakan.
8. Sekiranya terdapat sebarang ketidakkonsistenan antara T&S ini dan mana-mana bahan promosi, pemasaran atau program Pos Malaysia, T&S ini hendaklah mengatasi.
9. Tiada apa pun dalam T&S ini yang boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan sebarang perkongsian, agensi, fidusiari atau hubungan usaha sama antara Pos Malaysia dan Peserta.
10. Tiada apa pun dalam T&S ini yang memberikan atau dimaksudkan untuk memberikan sebarang manfaat, hak atau remedi kepada mana-mana orang selain daripada Peserta dan Pos Malaysia.
11. Klausula berkaitan had liabiliti, penyalahgunaan, perlindungan data dan undang-undang yang mengawal hendaklah terus berkuat kuasa selepas penggantungan atau penamatan Program.
12. Sebarang maklumat yang disediakan di bawah atau berkaitan dengan Program adalah untuk tujuan maklumat umum sahaja dan tidak boleh dijadikan sandaran sebagai nasihat apa pun.
13. Pos Malaysia boleh menyerahkan atau memindahkan hak dan kewajipannya di bawah Program tanpa persetujuan Peserta.